

Cekap

Majalah Kecekapan Tenaga Untuk Semua
Isu: 01 | Aug 2023



Amalkan Tip Cekap Tenaga Untuk
Bantu Kurangkan Bil Elektrik


Peralihan Tenaga Bersih:
Kepentingan Pendidikan Dan
Perubahan Tingkah Laku Masyarakat

SEDA Malaysia Pacu Agenda
Kecekapan Tenaga Melalui SAVE 3.0

Pastikan Peralatan Elektrik Berlabel
SIRIM-ST Baru Beli!

PENGENALAN TENTANG SMART METER

e SSN 2990-9465



9 772990 946002

Isi Kandungan

04-07

Pengenalan Tentang *Smart Meter*

08

Tip Cepak Tenaga!

09-11

Amalkan Tip Cepak Tenaga Untuk Bantu Kurangkan Bil Elektrik



12

Tip Cepak Tenaga!

13-15

Peralihan Tenaga Bersih: Kepentingan Pendidikan Dan Perubahan Tingkah Laku Masyarakat



16

Tip Cepak Tenaga!

17-19

SEDA Malaysia Pacu Agenda Kecekapan Tenaga Melalui SAVE 3.0

20

Tip Cepak Tenaga!

21-23

Pastikan Peralatan Elektrik Berlabel SIRIM-ST Baru Beli!



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason

Presiden FOMCA

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Timbalan Presiden FOMCA

KETUA SIDANG PENGARANG

Dr. Saravanan Thambirajah

Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA

Fadhli Abdullah

*Head, Customer Engagement,
Advanced Metering Infrastructure (AMI),
Distribution Network Division, TNB*

SIDANG PENGARANG

Maizatul Aqira Ishak

Muhammad Yusman Pauzi

Nur Zawanah Zamri

Nur Asyikin Aminuddin

DITERBITKAN OLEH:

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A, 47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tel: [+603 7876 4648](tel:+60378764648)

E-mel: fomca@fomca.org.my

Sesawang: www.fomca.org.my

DENGAN KERJASAMA:

Tenaga Nasional Berhad

Wisma TNB, No. 19, Jalan Timur,
46200 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tel: [+603-7967 9000](tel:+603-79679000)

Fax: [+603-7960 0343](tel:+603-79600343)

Sesawang: www.tnb.com.my



Majalah Cekap merupakan penerbitan usaha sama antara FOMCA dan TNB. Majalah ini menyiarkan maklumat menarik mengenai kesedaran dan kecekapan penggunaan tenaga yang sesuai dengan pengguna di Malaysia.

RAKAN KONGSI PENERBITAN DIGITAL:

Wordlabs Global Sdn Bhd


No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: [+603 7880 4200](tel:+60378804200) / [+603 7886 4933](tel:+60378864933)

Fax: [+603 7803 0500](tel:+60378030500)

E-mel: info@wordlabs.com.my

Sesawang: www.wordlabs.com.my




Pengenalan Tentang *Smart Meter*

Permulaan bijak kepada penggunaan tenaga.

DUNIA *Smart Meter*, anda bayar apa yang anda guna. Lebih menarik, *Smart Meter* dapat memperkasakan pengguna melalui cara penjimatan bil elektrik dan secara asasnya untuk menuju ke arah pengurangan pengeluaran karbon.

Ringkasan Pemasangan *Smart Meter* Di Seluruh Dunia

900+ juta pengguna memanfaatkan kelebihan *Smart Meter*



Sumber Navigant Report – Jun 2020

No. jumlah pemasangan *Smart Meter*

Peta dunia status pemasangan *Smart Meter*

Lebih daripada satu bilion *Smart Meter* telah dipasang di seluruh dunia bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan pencemaran bahan api fosil. *Smart Meter* mencatat dan menyampaikan data penggunaan tenaga elektrik kepada pembekal bagi tujuan pemantauan dan pengebilan serta meningkatkan kelestarian alam sekitar.



HALA TUJU PEMASANGAN SMART METER



>3.0 juta

Pengguna Smart Meter TNB Setakat ini



* RP = Regulatory Period (Tempoh Pengawalselaaan di bawah Suruhanjaya Tenaga)

Menaiktaraf Sebanyak ~9.1 Juta Meter Pengguna di Malaysia Kepada Smart Meter Secara **PERCUMA**



REIMAGINING ENERGY WITH SMART TECHNOLOGY

Setakat ini, lebih tiga juta pengguna telah memiliki *Smart Meter* di beberapa kawasan sekitar Semenanjung Malaysia. Di mana kita boleh lihat daripada rajah di sebelah, pemasangan *Smart Meter* adalah secara berperingkat dan kini sedang berada di *Regulatory Period 3 (RP3)*. Projek pemasangan *Smart Meter* di Malaysia ini bermula di kawasan Melaka dan Putrajaya sebagai Projek Perintis iaitu sebanyak 1,000 unit sahaja dipasang sebagai kajian kebolehlaksanaan bagi projek *Smart Meter* ini.

Kesan positif kepada penduduk yang telah menggunakan *Smart Meter* dapat dilihat di mana mereka telah mendapat bacaan yang lebih tepat bagi penggunaan tenaga di rumah. Dengan penggunaan *Smart Meter*, anda hanya perlu bayar tenaga yang anda guna pada setiap bulan.

Suruhanjaya Tenaga menyambut baik inisiatif pemasangan *Smart Meter* ini dan matlamat utama adalah untuk memastikan lebih kurang 9.1 juta unit *Smart Meter* dipasang di premis-premis secara **PERCUMA**.



EVOLUSI METER TNB



METER ELEKTROMEKANIKAL METER DIGITAL SMART METER

• Pembilang	✓	✓	✓
• Rekod Maklumat	✗	✗	✓
• Hantar & Terima Data	✗	✗	✓

MANFAAT SMART METER KEPADA ANDA



Bil elektrik dengan bacaan sebenar dan diterima tepat pada masanya



Pantau penggunaan tenaga melalui profil harian



Urus penggunaan tenaga melalui penetapan had bulanan penggunaan tenaga (Energy Budget)



Notifikasi gangguan dan pemulihan bekalan elektrik



Penyambungan dan pemutusan bekalan elektrik secara jarak jauh



Pilihan untuk tarif Time of Use (ToU)



Skim prabayar fleksibel (Prepayment)



■ Telah tersedia
■ Ujian Pilot sedang dijalankan

REIMAGINING ENERGY WITH SMART TECHNOLOGY

Smart Meter telah diatur bagi mendapatkan bacaan jauh secara tepat dan ianya adalah wajah bagi *Advanced Metering Infrastructure (AMI)*, di mana ianya merupakan salah satu daripada *smart grid*. AMI menggunakan komunikasi 2-hala di antara pengguna: *Smart Meter*, jaringan komunikasi dan juga sistem AMI yang memproses data pengebilan. *Smart Meter* mengumpul dan menghantar data daripada meter melalui jaringan komunikasi kepada sistem TNB secara harian. Data tersebut kemudian akan diproses untuk pelbagai tujuan termasuk penyediaan bil bulanan.


Terdapat 7 fungsi *Smart Meter*, di mana 3 fungsi telah tersedia dalam aplikasi myTNB, sementara 4 fungsi lainnya sedang dalam ujian perintis. 3 fungsi *Smart Meter* yang telah tersedia adalah:

1. Bil elektrik dengan bacaan sebenar dan diterima tepat pada masanya.
2. Pengguna dapat memantau penggunaan tenaga melalui profil harian
3. Pengguna dapat mengurus penggunaan tenaga melalui penetapan had bulanan penggunaan tenaga (*Energy Budget*)

Infografik di sebelah kiri menunjukkan manfaat *Smart Meter* kepada anda.

Dengan adanya teknologi ini, pengguna dapat mengawal penggunaan tenaga elektrik dengan lebih bijak bagi mengurangkan kos, serta memberi kesan positif kepada alam sekitar. *Smart Meter* adalah langkah penting untuk menuju masa depan yang lebih hijau dan lestari.





Tip Cekap Tenaga!

Pastikan peralatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan rumah atau ruang pejabat.



Amalkan Tip Cepak Tenaga Untuk Bantu Kurangkan Bil Elektrik

Tahukah anda, apabila kita dapat meningkatkan pengetahuan, kita mampu untuk bertindak balas menggunakan tenaga dengan lebih cekap, menyumbang ke arah kemampuan tenaga dalam menjaga alam sekitar dengan lebih baik.

PEMAKLUMAN keadaan cuaca panas dan kering yang tidak menentu di negara ini membimbangkan pengguna terutamanya pelayar media sosial.

Justeru, isi rumah di seluruh negara pasti akan mengalami peningkatan bil elektrik bagi menampung penggunaan peralatan elektrik yang menggunakan sistem penyejuk, sistem pemanas dan alat bermotor seperti penyaman udara, penyejuk beku, peti sejuk, mesin pengering, mesin basuh, dan pam air.

Namun, orang ramai juga berpendapat lonjakan bil yang tinggi pada masa ini disebabkan oleh perubahan tarif yang dimaklumkan pihak kerajaan untuk

tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2023.

Tetapi, pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung menerusi mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang diumumkan kerajaan menyatakan, pelanggan kediaman Tarif A dengan penggunaan tenaga 1,500 kilowatt-jam (kWj) dan ke bawah akan terus menikmati rebat ICPT sebanyak 2 sen/kWj.

Sementara itu, kategori tarif yang sama dengan penggunaan lebih daripada 1,500kWj dikenakan kadar surcaj sebanyak 10 sen/kWj yang memberi kesan kepada satu peratus daripada pelanggan kediaman.

AMAL TIP CEKAP TENAGA



Penggunaan penyaman udara

Penggunaan penyaman udara yang berpanjangan ketika cuaca panas adalah antara penyumbang kepada lonjakan bil elektrik. Hal ini adalah kerana, kompresor akan menggunakan lebih kuasa (kWj) untuk menjana impak penyejukan yang sama disebabkan oleh suhu persekitaran yang lebih tinggi.

TIP:

1. Tetapkan pemasa (*timer*) pada penyaman udara sebelum tidur, melaraskan suhu di antara 24 ke 26 darjah celsius.
2. Membersihkan penapis penyaman udara secara berkala untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit tersebut.




Penggunaan peralatan label cekap tenaga 5 bintang

Pengguna juga boleh mengurangkan lonjakan bil elektrik dengan menggunakan peralatan label cekap tenaga 5 bintang.



TIP:

1. Beberapa peralatan elektrik mempunyai nilai bintang (*rating*) yang tersendiri iaitu semakin tinggi *rating* perkakas tersebut, semakin banyak tenaga elektrik dapat dijimatkan.



Memantau penggunaan tenaga

Pengguna juga boleh memantau penggunaan tenaga menggunakan **aplikasi atau portal myTNB** setiap bulan supaya tiada lebihan atau pembaziran tenaga elektrik berlaku di kediaman.



TIP:

1. Pelanggan domestik TNB digalakkan untuk memantau penggunaan mereka dalam kiraan **unit kWj** serta meneliti **corak penggunaan bulanan** mereka.
2. Bagi pengguna yang telah memasang *Smart Meter*, mereka boleh memantau penggunaan tenaga **setiap hari** menggunakan aplikasi myTNB.

Tarif kekal sama

Peningkatan bil elektrik yang dialami oleh segelintir pengguna tiada kaitan dengan semakan terbaharu tarif elektrik.

Semakan tarif asas elektrik dilakukan oleh Suruhanjaya Tenaga setiap tiga tahun dan tarif asas elektrik semasa masih kekal sepanjang Tempoh Kawal Selia 3 (RP3) dari 1 Februari 2022 hingga 31 Disember 2024.

Mekanisma Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) digunakan untuk menetapkan caj tarif elektrik di Semenanjung Malaysia. Di bawah IBR, tarif elektrik terbahagi kepada dua komponen iaitu Tarif Asas dan ICPT.

Tiada perubahan dilakukan sejak tahun 2014 untuk tarif asas, manakala ICPT adalah mekanisme yang diluluskan

oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga sejak 1 Januari 2014.

Mekanisme ini membolehkan harga bahan api disemak pada setiap enam bulan (Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember) dan sebarang perubahan sama ada kenaikan atau penurunan harga bahan api akan diselaraskan menerusi rebat atau surcaj di dalam bil elektrik pengguna.

Jika harga bahan api turun di bawah paras yang diperuntukkan, rebat ICPT akan diberikan kepada pengguna. Jika sebaliknya, surcaj ICPT akan dikenakan kepada pengguna.

Untuk mengira jumlah bil berdasarkan kWj yang telah digunakan, sila layari myelectricitybill.my





Tip Cekap Tenaga!

Meletakkan komputer peribadi/
laptop dalam "sleep mode"
apabila tidak digunakan.

Peralihan Tenaga Bersih: Kepentingan Pendidikan Dan Perubahan Tingkah Laku Masyarakat

Pembangunan yang semakin pesat serta perubahan aktiviti sosial berlaku secara meluas di seluruh dunia, termasuklah Malaysia yang mengakibatkan perubahan iklim yang semakin teruk. Antara masalah paling kritikal yang menyebabkan perubahan iklim adalah pelepasan gas rumah hijau yang berlebihan.



Apakah gas rumah hijau ini?

Gas rumah hijau terdiri daripada karbon dioksida (CO_2), wap air (H_2O), ozon (O_3), gas metana (CH_4) dan gas klorofluorokarbon (CFC) di mana ianya wujud secara semulajadi kesan daripada aktiviti harian manusia. Secara asasnya, gas rumah hijau diperlukan bagi menyerap haba kemudian memancarkan kembali sinaran inframerah (*infrared*) yang dikeluarkan oleh matahari. Tujuannya adalah untuk memberikan haba kepada bumi yang menjadikan

sesuai untuk didiami dan tanpa gas-gas ini, bumi akan menjadi terlalu sejuk. Namun sejak revolusi industri, di mana berlaku perubahan besar dalam sektor pertanian, pembuatan dan pengangkutan memaksa manusia untuk membakar sejumlah besar arang dan petroleum bagi menghasilkan haba dan elektrik. Akibatnya pelepasan gas CO_2 yang berlebihan ke atmosfera mengakibatkan peningkatan suhu bumi dan fenomena ini dipanggil kesan rumah hijau.

LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN DAN PENCEGAHAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU YANG BERLEBIHAN



Beralih kepada penggunaan tenaga boleh baharu

Ini termasuk tenaga solar, angin, hidroelektrik, dan sumber tenaga lain yang dapat diperbaharui. Kesedaran dan pendidikan kepada orang awam memainkan peranan penting dalam mempromosikan peralihan tenaga ini.

Penggunaan platform media sosial seperti *TikTok*, *Instagram*, *X*, dan sebagainya merupakan platform yang sangat efektif untuk menarik minat orang awam dalam inisiatif ini. Kerajaan dan syarikat utiliti boleh bekerjasama dengan pengengaruh media sosial yang tertarik dengan isu-isu alam sekitar dan kelestarian bagi menjadi pengantara dalam menyampaikan maklumat tentang peralihan tenaga boleh baharu kepada masyarakat. Bahasa penyampaian juga akan menjadi lebih mudah untuk difahami.



Pendidikan dan perubahan perilaku

Pendidikan dalam konteks ini merujuk kepada perkongsian ilmu, pemahaman, dan kesedaran kepada masyarakat mengenai konsep, manfaat, dan kepentingan peralihan tenaga bersih.

Program-program seperti seminar teknologi solar, sistem penjimatan tenaga, dan penggunaan tenaga boleh baharu dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat. Orang awam perlu memahami dan mengamalkan amalan penggunaan tenaga yang efisien, seperti mengurangkan dan merancang penggunaan elektrik dan memilih peralatan cekap tenaga.



Program hijau bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Banyak program dapat dilaksanakan di universiti seperti bebas kenderaan bermotor pada hari-hari tertentu atau program penanaman pokok di sekitar kawasan kampus bagi mengurangkan gas CO₂.

Program-program seperti ini dapat memberikan impak kepada pelajar setelah mereka tamat belajar untuk terus mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka.



Sokongan dan kesediaan pihak kerajaan, komuniti dan syarikat utiliti dalam menggalakkan aktiviti peralihan tenaga bersih

Pendidikan harus ditekankan kepada orang awam untuk menunjukkan betapa pentingnya kerjasama dan sokongan semua pihak dalam menggalakkan peralihan tenaga bersih. Melalui pendidikan juga, kita dapat membuka minda untuk memahami kelebihan dan peluang ekonomi yang berkaitan dengan peralihan tenaga bersih, serta memahami juga bagaimana kita sebagai pengguna tenaga dapat menyumbang secara individu mahupun kerjasama dengan pelbagai pihak untuk menuju ke arah peralihan tenaga bersih.

Secara keseluruhan, pendidikan dan perubahan tingkah laku masyarakat memainkan peranan yang penting untuk menuju ke arah peralihan tenaga bersih. Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan dan syarikat utiliti di Malaysia

untuk menyokong dan melaksanakan program yang membawa kepada perubahan tingkah laku masyarakat tidak kira had umur dan termasuk juga program promosi penggunaan tenaga boleh baharu.



Tip Cekap Tenaga!

Gunakan peralatan elektrik yang berlabel "5 Bintang".



SEDA Malaysia Pacu Agenda Kecekapan Tenaga Melalui SAVE 3.0

Salah satu inisiatif oleh kerajaan dalam meningkatkan kesedaran tentang pembelian kelengkapan cekap tenaga adalah melalui program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE)*. Artikel ini adalah untuk anda dapatkan maklumat lanjut mengenai program SAVE 3.0.

Peralatan cekap tenaga adalah penting untuk membantu anda menjimatkan wang dan tenaga, melindungi alam sekitar serta meningkatkan gaya hidup masyarakat awam terutamanya pemilik rumah.

Perubahan corak penggunaan tenaga ke arah alternatif yang lebih lestari memberi impak dalam menurunkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang dibebaskan ke atmosfera yang menyebabkan suhu bumi meningkat. Jumlah pelepasan gas rumah hijau akibat daripada aktiviti manusia disebut sebagai jejak karbon (*carbon footprint*) dan secara

teknikal, jejak karbon adalah sumbangan setiap individu kepada pelepasan gas rumah hijau. Ini bermakna setiap daripada anda bertanggungjawab secara langsung terhadap kesan perubahan iklim dan impak kepada alam sekitar.

Kecekapan tenaga merupakan cara terbaik untuk mengurangkan jejak karbon anda. Melaksanakan langkah-langkah kecekapan tenaga di rumah anda sendiri boleh mengurangkan pelepasan karbon dengan ketara. Ini kerana peralatan cekap tenaga menggunakan tenaga dengan lebih rendah berbanding peralatan biasa.

Program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE)* telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pembelian peralatan cekap tenaga khususnya yang berlabel empat (4) dan lima (5) bintang oleh Suruhanjaya Tenaga. Ia juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, terutamanya pengguna domestik.


Program SAVE pada asalnya adalah merupakan inisiatif Kerajaan dan ianya sebahagian daripada strategi *Entry Point Project (EPP) 9* di bawah keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) untuk meningkatkan kecekapan tenaga di negara ini. Program ini dilancarkan pada 7 Julai 2011 dan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia adalah agensi pelaksana bagi SAVE.

Program ini menawarkan:

- Rebat untuk isi rumah domestik yang membeli peti sejuk dan penyaman udara dengan label cekap tenaga 5 Bintang daripada Suruhanjaya Tenaga (ST); dan
- Rebat untuk pemilik bangunan yang telah melaksanakan penukaran pengokol (*chiller*) tidak cekap sedia ada kepada cekap (terhad kepada jenis penyejuk elektrik sahaja).

Program SAVE 3.0 yang dilancarkan pada Januari 2022 - Disember 2022 telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dan merupakan kesinambungan daripada SAVE 2.0 yang dijalankan pada Januari 2021.

Program SAVE 3.0 menawarkan dua kategori berbeza bagi pembelian peralatan elektrik berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga.



Melalui SAVE 3.0, satu lagi kategori peralatan elektrik diperkenalkan dengan tambahan beberapa barangan elektrik terpilih berlabel 4 atau 5 bintang.

- Peralatan elektrik kategori 1 merupakan penyaman udara dan peti sejuk; dan
- Peralatan elektrik kategori 2 pula terdiri daripada televisyen, mesin basuh, ketuhar gelombang mikro, dan periuk nasi.

Kejayaan Program SAVE 3.0 ini adalah hasil usaha pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia serta agensi-agensi berkaitan yang telah bersama-sama mempromosikan program ini kepada seluruh rakyat Malaysia menerusi pelbagai platform media.

Usaha pelaksanaan SAVE 3.0 ini oleh SEDA Malaysia bukan sahaja menunjukkan sumbangan besar kepada alam sekitar, bahkan ianya selari dengan hala tuju kerajaan ke arah mencapai sasaran negara sifar karbon menjelang 2050.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia, Dato' Hamzah Hussin, "Sehingga Disember 2022, program SAVE 3.0 telah merekodkan sejumlah lebih RM35 juta e-rebat yang melibatkan pembelian 180,000 unit peralatan elektrik daripada kategori yang ditawarkan. Sambutan yang menggalakkan daripada rakyat bagi program ini menunjukkan kesedaran orang awam terhadap faedah peralatan cekap tenaga."

Beliau juga menjelaskan bahawa pencapaian program SAVE 3.0 adalah memberangsangkan berbanding dengan program SAVE 2.0 yang mencatatkan jumlah penebusan sebanyak RM 26 juta untuk 130,000 unit peralatan elektrik terpilih. Akses yang mudah untuk menebus e-rebat dan pilihan yang pelbagai untuk mendapatkan peralatan elektrik cekap tenaga turut menyumbang kepada kejayaan program ini. Setiap isi rumah boleh memilih untuk menebus e-rebat secara dalam talian melalui platform e-dagang yang telah ditetapkan iaitu Shopee, Lazada, PG Mall serta YouBeli atau boleh menebus secara fizikal di lebih 1,400 kedai peralatan elektrik seluruh Malaysia yang berdaftar dengan SEDA Malaysia.

Program SAVE 3.0 berjaya meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan elektrik cekap tenaga bertaraf 4 & 5 bintang serta peralatan cekap tenaga di pasaran, di samping menyumbang kepada anggaran pengurangan sebanyak 76 ribu tan pelepasan karbon dioksida (CO₂).

Kesedaran tentang kepentingan memelihara dan melindungi alam sekitar merupakan asas kepada perubahan amalan hidup masyarakat ke arah mencapai masa hadapan yang lebih hijau dan bersih untuk generasi akan datang!

Untuk maklumat lanjut mengenai program SAVE, layari www.seda.gov.my/saveprogram/



Tip Cekap Tenaga!

Tetapkan suhu penyaman udara pada suhu tidak kurang daripada 24 darjah celsius dan servis penyaman udara anda secara berkala.



Pastikan Peralatan Elektrik Berlabel SIRIM-ST Baru Beli!

Ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan kelengkapan elektrik yang tiada kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST) atau berlabel SIRIM-ST adalah berisiko tinggi untuk digunakan. Justeru itu, apa yang perlu kita ketahui sebagai seorang pengguna yang bijak.

Pengecas telefon bimbit, soket sambungan, kabel pendawaian dan palam kuasa adalah antara produk yang terdapat di pasaran terutama di kedai penjualan alat-alat telekomunikasi.

Adakalanya, produk seperti ini yang tidak mempunyai label SIRIM-ST menjadi pilihan pengguna kerana harga yang ditawarkan adalah jauh lebih murah berbanding dengan produk yang mempunyai label SIRIM-ST.

Namun, ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan kelengkapan elektrik yang tiada kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST) atau berlabel SIRIM-ST adalah berisiko tinggi untuk digunakan.

Justeru itu, sebagai pengguna yang bijak, kita hendaklah memastikan hanya kelengkapan elektrik yang mempunyai label SIRIM-ST atau tanda pensijilan SIRIM sahaja digunakan.

Menurut ST, dengan adanya label SIRIM-ST, ia menunjukkan kelengkapan elektrik yang dibeli atau digunakan sudah diluluskan dan para pengguna boleh menggunakannya tanpa ragu-ragu.

ST seringkali menekankan kepentingan menggunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label SIRIM-ST. Ini kerana ianya sudah diuji dan diperiksa dari segi keselamatan mengikut standard keselamatan yang ditetapkan.

Oleh itu, ianya lebih selamat untuk digunakan berbanding dengan kelengkapan elektrik yang tidak diluluskan atau tidak mempunyai label SIRIM-ST. Dengan ini juga, kes-kes kemalangan dan kebakaran yang berpunca daripada kelengkapan elektrik yang boleh menyebabkan kecederaan dan mengundang maut dapat dielakkan.

Garis panduan ST mengenai kelengkapan elektrik sudah menetapkan 34 kategori peralatan elektrik dan elektronik yang mesti diuji serta diperakui mengikut piawaian yang ditetapkan termasuk peti ais, periuk nasi, cerek elektrik, penggoreng kering (*air fryer*) dan ketuhar gelombang mikro.

Untuk makluman para pengguna, sebelum peralatan elektrik yang dikawal oleh ST dijual di pasaran, ianya hendaklah mendapatkan Perakuan Kelulusan (COA) daripada ST dan menjalani ujian serta pensijilan oleh SIRIM terlebih dahulu. Peralatan elektrik yang telah diluluskan hendaklah dilekatkan dengan label SIRIM-ST atau mempunyai tanda pensijilan SIRIM. Kemudian, barulah peralatan tersebut boleh dijual di pasaran.



KELENGKAPAN ELEKTRIK YANG DIKAWAL SURUHANJAYA TENAGA

1. Palam Kuasa	18. Pemanas Air Serta Merta termasuk Eemen Pemanas Jika Diimport berasingan
2. Suis dan suis pemalap	19. Mesin Pembasuh
3. Soket Alir Keluar (15A dan ke bawah)	20. Kipas Elektrik
4. Pemegang Lampur Kalimantan/Pemegang Pemula	21. Pengering Rambut/Penggayaan Rambut/Penjagaan Muka
5. Ros Siling	22. Seterika
6. Tudung Benet dan Penyesuai Pelbagai	23. Pencukur Elektrik
7. Lekapan Lampu	24. Pengewap Elektrik
8. Kapasitor untuk Lampu Kalimantan	25. Pembersih Vakum
9. Balast/Gear Kawalan/Pemacu untuk Lampu	26. Set Hi-Fi
10. Pemutus Litar termasuk Pemutus Litar Bocor ke Bumi kendalian Arus dan Pemutus Litar Miniatur	27. Televisyen
11. Lampu Mudah Alih	28. Pemain Video
12. Cerek Elektrik Termasuk Elemen Pemanas Jika Diimport Berasingan	29. Mesin Pengurut
13. Pengadun/Pengisar Makanan	30. Penyaman Udara
14. Pembakar/Ketuhar	31. Lampu Krismas atau Lampu Cahaya Berantai
15. Periuk Nasi	32. Peralatan Kuasa Domestik
16. Peti Sejuk	33. Adapter/Pengecas
17. Pemanas Air Rendam	34. Wayar/Kabel/Kord (Non-armoured) 0.5mm ² to 35mm ²

*Sumber grafik: Harian Metro

Oleh demikian, ST sekali lagi menasihati orang ramai supaya hanya membeli dan menggunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan oleh ST dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST atau mempunyai tanda pensijilan SIRIM. Selain itu, masyarakat juga dinasihatkan untuk berhati-hati dengan penyalahgunaan atau pemalsuan label SIRIM-ST oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

FOMCA turut ingin menasihatkan para pengguna untuk menyemak terlebih dahulu produk yang dibeli secara dalam talian atau di kedai sama ada peralatan tersebut sudah mendapat perakuan daripada SIRIM dengan memasukkan maklumat produk ke dalam aplikasi mudah alih SIRIM QAS International.

**PENGURUSAN ADUAN PENGGUNA
SURUHANJAYA TENAGA**

Pengguna juga boleh membuat aduan kepada ST sekiranya mendapati kelengkapan elektrik yang dijual di pasaran tidak dilekatkan dengan label SIRIM-ST melalui sistem eAduan ST dengan (atau) menghubungi talian **03-8870 8500** atau laman web ST iaitu **aduan.st.gov.my**.



myTNB bersama anda!

Maklumat akaun anda dan pelbagai perkhidmatan TNB tersedia di hujung jari dengan aplikasi & portal myTNB. Pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja.



Imbas di sini

Muat turun pada
App Store

DAPATKAN DI
Google Play

TEROKAI MELALUI
AppGallery

Nikmati kemudahan ini!



Semak dan bayar bil
Jom paperless
dengan myTNB hari ini!



Rancang penggunaan tenaga dengan
Energy Budget*



Pantau penggunaan elektrik bulanan atau harian*



Hantar maklum balas

*ciri tersedia dengan smart meter



Segalanya lebih mudah di portal myTNB!



- Permohonan baharu sambungan bekalan elektrik

- Penukaran nama pemilik akaun



- Jadualkan janji temu untuk ke Kedai Tenaga

www.mytnb.com.my